

KHUTBAH JUMAAT
“KEISTIMEWAAN HARI JUMAAT DAN
SOLAT FARDU JUMAAT”
(10 Julai 2026M/ 24 Muharam 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Berikanlah tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari segala bentuk perbuatan yang sia-sia, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih keberkatan dan kesempurnaan pahala solat Jumaat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: **“Keistimewaan Hari Jumaat dan Solat Fardu Jumaat.”**

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari Jumaat adalah hari yang sangat istimewa bagi umat Islam, penuh dengan keberkatan dan kemuliaan. Hari yang dianjurkan kepada umat Islam untuk melipatgandakan amal ibadat kita. Oleh sebab itu, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah menganjurkan agar umatnya melakukan beberapa ibadat sunat pada hari Jumaat yang dapat menambahkan lagi ketakwaan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Di antara ibadat tersebut ialah :

Pertama : Membaca surah as-Sajdah dalam solat fardu Subuh dan diiringi dengan sujud tilawah. Sesungguhnya, tiada ganjaran yang lebih besar bagi mereka yang melakukan ibadat ini melainkan syurga yang terbentang luas, sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis yang bermaksud :

"Dari Abi Hurairah radiallahu anhu katanya : Telah bersabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam : Apabila anak cucu Adam alaihissalam membaca surah as-Sajdah kemudian mereka sujud kepada Allah, syaitan mengasingkan dirinya daripada majlis itu dalam keadaan menangis sambil berkata : Celakalah aku, anak cucu Nabi Adam alaihissalam diperintah untuk sujud kepada Allah, maka bagi mereka itu balasan syurga sedangkan aku juga disuruh untuk sujud kepada Allah, tetapi aku ingkar, oleh itu untukku api neraka".

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Kedua : Membaca surah al-Kahfi pada malam atau pagi hari Jumaat. Mereka yang membaca surah ini akan mendapat petunjuk dan pimpinan daripada Allah *subhanahu wata'ala* di sepanjang minggu

tersebut dan akan memperoleh cahaya. Daripada Abi Said al-Khudri *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ النُّورُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ))

Maksudnya: Sesiapa membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat, maka dipancarkan cahaya untuknya sejauh antara dirinya dia dan Baitul 'Atiq.

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqi)

Ketiga : Memperbanyakkan berselawat ke atas Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Daripada Abu ad-Darda' *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud :

((Perbanyakkanlah selawat ke atas-Ku pada hari Jumaat. Sesungguhnya ia disaksikan oleh para malaikat))

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Kaum muslimin yang berbahagia,

Keistimewaan ini ditambah lagi dengan pensyariatan solat Jumaat yang wajib dilaksanakan secara berjemaah. Solat Jumaat adalah solat yang fardu dan solat berjemaah yang paling utama serta keistimewaan umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*. Setiap individu muslim wajib melaksanakannya jika memenuhi syarat-syaratnya, iaitu Islam, baligh, berakal, merdeka (bukan hamba), lelaki, sihat dan bermukim (bukan musafir).

Solat Jumaat bukan hanya satu ibadat, malah suatu perhimpunan

mingguan yang memberikan manfaat yang amat besar kepada umat Islam. Di antara manfaat tersebut ialah:

Pertama: Mengukuhkan ikatan silaturahim dan kasih sayang sesama Islam yang menjamin kekuatan umat Islam.

Kedua: Menyampaikan ilmu, bimbingan dan nasihat yang berguna kepada jemaah yang hadir melalui khutbah yang disampaikan.

Ketiga: Memberi peluang kepada setiap individu untuk menghayati dan seterusnya bermuhasabah diri.

Memandangkan betapa pentingnya solat fardu Jumaat, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* amat mengambil berat terhadapnya dan memberikan amaran keras kepada mereka yang mengabaikannya. Daripada Abi al-Ja'di ad-Dhomri (أَبِي الْجَعْدِ الضَّمْرِي) *radiallahu anhu* bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* maksudnya :

((مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمُعٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ))

Maksudnya: Sesiapa yang meninggalkan tiga kali solat jumaat kerana mengambil mudah akannya, nescaya Allah akan mengunci jantung hatinya.

(Hadis riwayat Imam an-Nasai'e)

Hadis tadi jelas menunjukkan kepada kita ancaman dan amaran yang terdapat dalam hadis tersebut terikat dengan keadaan meninggalkan solat Jumaat kerana mengambil enteng, meremehkan serta meninggalkan perlaksanaannya tanpa sebarang keuzuran.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi mencapai matlamat agar solat Fardu Jumaat itu benar-benar dapat mendidik jiwa orang yang menghadirinya, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah menggariskan beberapa panduan yang sebaik-baiknya dilakukan oleh setiap umat Islam iaitu :

Pertama: Sebelum pergi ke masjid, kita disunatkan mandi, membersihkan badan, memotong kuku, memakai pakaian yang bersih dan kemas dan berwangi-wangian agar jemaah lain yang berhampiran tidak terganggu oleh bau badan atau pakaian yang tidak menyenangkan. Daripada Aus bin Aus ath-Thaqafi *radiallahu anhu* bahawa beliau mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ غَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَاغْتَسَلَ ثُمَّ بَكَرَ وَابْتَكَرَ وَمَشَى وَلَمْ يَرْكَبْ وَدَنَا مِنَ الْإِمَامِ فَاسْتَمَعَ وَلَمْ يَلْغُ كَانَ لَهُ بِكُلِّ خُطْوَةٍ عَمَلٌ سَنَةٍ أَجْرُ صِيَامِهَا وَقِيَامِهَا))

Maksudnya: Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (dengan membasuh kepala dan badannya), lalu pergi awal untuk solat Jumaat, dengan berjalan kaki dan tidak berkenderaan, kemudian duduk berdekatan dengan imam untuk mendengar khutbah dengan teliti dan tidak berbicara, maka setiap langkahnya dicatat pahala puasa dan ibadah malam setahun.

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Kedua: Kita disunatkan datang awal ke masjid dan mendapatkan saf yang pertama atau saf yang paling hadapan dan mengisi masa di dalam masjid dengan beriktikaf, membaca al-Qur'an, berzikir, mengerjakan sembahyang sunat dan memperbanyakkan selawat ke atas Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

((Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seakan-akan berkorban dengan unta, sesiapa yang pergi pada masa yang kedua, maka seakan-akan dia berkorban dengan lembu, dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seakan-akan dia berkorban dengan biri-biri jantan yang bertanduk, dan sesiapa yang pergi pada masa yang keempat seakan-akan dia berkorban dengan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seakan-akan dia berkorban dengan sebiji telur dan apabila imam telah keluar (untuk berkhutbah) maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (khutbah).))

Ketiga: Manakala sewaktu khutbah Jumaat dibacakan, para jemaah hendaklah menumpukan perhatian sepenuhnya kepada khutbah tersebut. Jangan ada diantara kita yang masih mundar-mandir dan berbual di luar masjid. Mendengar khutbah merupakan suatu kemestian bahkan kita dilarang melakukan ibadat sunat seperti berzikir atau membaca al-Quran ketika khatib sedang berkhutbah. Apatah lagi jika sekiranya ada dalam kalangan para jemaah yang tidak mendengar khutbah seperti sibuk bercakap-cakap atau

berbual-bual atau bergurau senda, perbuatan ini bukan sahaja tidak memperolehi isi kandungan atau nasihat yang ada di dalam khutbah, malah solat Jumaatnya penuh dengan kecacatan dan tidak sempurna. Daripada Ali bin Abi Talib *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda yang maksudnya :

((Sesiapa yang bercakap-cakap pada hari Jumaat ketika imam sedang membaca khutbah dan sesiapa yang melarang kepada rakannya yang bercakap, maka tiadalah Jumaat baginya".

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Oleh yang demikian, hendaklah kita sentiasa menumpukan perhatian terhadap khutbah yang dibaca dan disampaikan. Samalah kita berdoa semoga Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa memberikan rahmat, memakbulkan doa kita, mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua dan kita memperolehi pahala sembahyang fardu Jumaat dengan sempurna dan tiada cacat cela. Amin ya Rabbal'alamin.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Hari Jumaat adalah hari yang sangat istimewa, penuh dengan keberkatan dan kemuliaan.

Kedua: Umat Islam digalakkan untuk membanyakkan amal ibadat

mereka pada hari Jumaat seperti berselawat dan membaca al-Quran.

Ketiga: Solat Jumaat adalah solat yang fardu dan solat berjemaah yang paling utama yang wajib ke atas setiap individu muslim yang memenuhi syarat-syaratnya iaitu Islam, baligh, berakal, merdeka (bukan hamba), lelaki, sihat dan bermukim (bukan musafir).

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Jumu'ah, ayat 9:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ
اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (٩)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya),*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَٰذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah beristiqamah untuk mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama sesama masyarakat. Carilah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita diberkati dan dirahmati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa pada masa akan datang.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala wabak dan bala yang menganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah

bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.